

## Penentu Prestasi PKS dalam Industri Herba Halal: Cadangan Rangka Kerja Teori

*Determinants of SME Performance in the Halal Herbal Industry:  
A Proposed Theoretical Framework*

SITI NUR HUSNA TUKIRAN, AIDA IDRIS, NAZZATUSH SHIMAR JAMALUDIN,  
NURHIDAYAH BAHAR & SHAIFUL AZLAN ABDUL

### ABSTRAK

Masyarakat Melayu-Bumiputera memegang peranan penting sebagai populasi penduduk terbesar di Malaysia, khususnya dalam sektor perusahaan tradisional. Dalam usaha untuk memperluaskan pengaruh ke peringkat antarabangsa, setiap perniagaan dalam komuniti ini perlu memiliki kemampuan untuk menguruskan segala aspek rantai bekalan mereka. Untuk mencapai matlamat ini, pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dan pakej ekonomi yang bertujuan untuk meningkatkan pengurusan rantai bekalan industri. Langkah-langkah ini tidak hanya bertujuan untuk meningkatkan daya saing perniagaan tempatan di pasaran antarabangsa, malah turut mengukuhkan peranan masyarakat Melayu-Bumiputera Islam dalam arena ekonomi global. Malangnya, wabak COVID-19 yang melanda dunia baru-baru ini dan peperangan di antara Rusia dan Ukraine telah mengganggu pembangunan ekonomi negara termasuklah pakej ekonomi ini. Bagi meningkatkan proses pengantarabangsaan dan prestasi ekonomi Melayu-Bumiputera dalam industri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), kerajaan masa kini mestilah memperkenalkan pelan rancangan atau pakej bantuan ekonomi baharu yang mampu merangsang ekonomi dan menyelesaikan isu yang timbul dalam persekitaran pasca-pandemik. Berdasarkan teori Pandangan Berasaskan Sumber (RBV), perbincangan dalam makalah ini menghubungkan kait pakej rangsangan ekonomi, rantai bekalan, pengantarabangsaan dan prestasi ekonomi dalam industri PKS herba halal Melayu-Bumiputera. Rangka kerja ini mencadangkan agar tindakan segera perlu diambil untuk memperkenalkan langkah intervensi baharu bagi membantu industri ini kembali pulih pasca pandemik COVID-19. Ia juga dapat digunakan dalam penyelidikan akan datang bagi menilai kesan pelbagai bantuan kerajaan terhadap pengantarabangsaan dan prestasi industri herba halal Melayu-Bumiputera dalam era pasca-pandemik.

*Kata kunci: Usahawan Melayu-Bumiputera; Industri Herba Halal; Pakej Rangsangan Ekonomi; Rantai Bekalan; Pengantarabangsaan; Prestasi PKS*

### ABSTRACT

The Malay-Bumiputera community constitutes the largest population in Malaysia, particularly in the traditional manufacturing sector. In order to penetrate international markets, every business must possess the capability to manage all components of their supply chain. To achieve this goal, the government has implemented various economic programs and packages aimed at enhancing the management of the industrial supply chain. These measures not only seek to improve the competitiveness of local businesses in the international market but also aim to strengthen the role of the Malay-Bumiputera Islamic community in the global economic arena. Unfortunately, the recent outbreak of COVID-19, as well as the war between Russia and Ukraine have disturbed the nation's economic development, including the economic packages. In order to improve the internationalization process and the performance of the Malay-Bumiputera economy in the Small and Medium Enterprise (SME) industry, the current government must introduce new plans or aid packages that are capable of stimulating the economy and solving issues that arise in the post-pandemic environment. Based on the theory of Resource-Based View (RBV), the debate in this article links economic stimulus packages, supply chain, internationalization and firm performance in the Malay-Bumiputera halal herbal SME industry. This framework suggests that new intervention measures should be urgently introduced to help the industry to recover post COVID-19. It can be used in future research to assess the impact of various government aids on the internationalization and performance of Malay-Bumiputera halal herbs industry in the post-pandemic era.

*Keywords: Malay-Bumiputera Entrepreneurs; Halal Herbal Industry; Economic Stimulus Package; Supply Chain; Internationalization; SME Performance*

## PENGENALAN

Masyarakat peribumi, juga dikenali sebagai penduduk asli, yang turut dirujuk sebagai penduduk asal sesebuah wilayah atau negara yang telah mendiami atau menguasai dan memiliki kebudayaan, sosial dan hubungan politik yang kuat di tanah tersebut (Padilla-Meléndez et al., 2022). Masyarakat ini boleh ditemukan di semua wilayah di seluruh dunia, dari Artik ke kawasan hutan hujan tropika, gurun dan kawasan bandar. Populasi ini lazimnya berbeza daripada populasi dominan yang tiba di wilayah tersebut melalui penjajahan atau penghijrahan (Bastien et al., 2023; Padilla-Meléndez et al., 2022).

Di Malaysia, istilah “komuniti peribumi” secara amnya merujuk kepada orang Melayu dan etnik asli lain yang dikenali sebagai bumiputera atau “anak negeri” (Kamus Bahasa Edisi Keempat, 2007). Kebanyakan komuniti bumiputera ini mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam penggunaan produk tradisional dan mengamalkannya bagi tujuan perubatan, masakan dan kebudayaan. Banyak kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu-Bumiputera dan masyarakat peribumi lain di Malaysia bergantung kepada bahan semula jadi seperti herba tradisional bagi merawat pelbagai penyakit dan menjaga kesihatan tubuh badan sejak berkurun lamanya (Abdulrahman et al., 2018; Mohd Zul Amirul Izwan Mat Deraseh et al., 2023). Karooni et al. (2014) telah melaporkan bahawa masyarakat peribumi di Malaysia telah merekodkan sekurang-kurangnya 500 tumbuhan tempatan yang mengandungi unsur perubatan dan penyembuhan seawal tahun 1960-an. Penemuan tradisional ini telah menghasilkan pulangan ekonomi yang memberangsangkan, dengan anggaran sebanyak US\$32 bilion di seluruh dunia seperti yang dilaporkan oleh Yayasan Kemajuan Luar Bandar Antarabangsa Amerika Syarikat (RAFI USA). Pasaran produk herba dunia kini bernilai US\$62 bilion menurut sebuah kajian oleh Ghosh (2013) dengan unjuran pertumbuhannya pada kadar 7 peratus setahun, dan diramalkan akan mencapai antara US\$5-7 trilion menjelang tahun 2050.

Pertumbuhan ini dijangkakan akan memberi peluang ekonomi yang ketara bagi negara-negara yang memiliki industri herba seperti Malaysia, dan menyumbang kepada pertumbuhan pasaran produk herba dunia. Industri ini telah dinamakan sebagai salah satu inisiatif pertanian Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) disebabkan potensinya yang ketara dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) 2021-2025, industri herba tempatan dilihat sejajar dengan inisiatif dan rancangan kerajaan dalam menempatkan Malaysia sebagai negara yang mengetuai pengeluaran dan eksport produk halal. Hal yang demikian telah membawa kepada kemunculan perkembangan industri herba halal di Malaysia dan mempunyai potensi besar dalam pertumbuhan ekonomi dan potensi pembangunan bagi PKS Melayu-Bumiputera disebabkan oleh hubungan keagamaan mereka dengan nilai-nilai dan amalan Islam. Permintaan global bagi produk herba asli yang meningkat (Rajendran & Nitty Hirawaty Kamarulzaman, 2023) telah membuka peluang besar kepada industri herba halal Melayu-Bumiputera untuk memperluaskan liputannya melangkaui sempadan negara. Penglibatan dalam pengeluaran, pemprosesan dan perdagangan herba halal akan membolehkan masyarakat menjana pendapatan, mewujudkan peluang pekerjaan, dan meningkatkan taraf hidup secara keseluruhannya. Di samping itu, ia dapat mengurangkan kemiskinan dan menurunkan perbezaan sosio-ekonomi, selain memupuk pemerikasaan ekonomi di kalangan komuniti peribumi.

Meskipun Malaysia merupakan negara yang berpotensi tinggi dalam mengetuai pasaran herba halal (Pazim Othman et al., 2009), negara ini masih banyak mengimport herba-herba asli dari negara luar, sekaligus memberi cabaran yang hebat terhadap industri herba halal Melayu-

Bumiputera (Mohd Hafizudin Zakaria et al., 2019). Kebergantungan yang tinggi pada produk import bukan sahaja memberi kesan kepada keuntungan industri malah mampu merendahkan potensi untuk menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara. Langkah yang berkesan diperlukan bagi meningkatkan pemperolehan bahan mentah tempatan (Tan et al., 2020), seperti mempromosikan penanaman dan penuaian yang mampan, usaha penyelidikan dan pembangunan bagi mengenalpasti kepelbagaian tumbuh-tumbuhan yang sesuai untuk penanaman dan membantu pengeluar skala kecil meningkatkan produktiviti dan daya saing. Keupayaan komuniti Melayu-Bumiputera menembusi pasaran antarabangsa bergantung kepada setiap aspek rantaian bekalan herba, dengan menekankan pendekatan yang menyeluruh dalam mengasah perkembangan dan pembangunan industri.

Namun begitu, penularan virus Corona (COVID-19) yang berlaku baru-baru ini telah memburukkan lagi masalah berkaitan rantaian bekalan. Gangguan dalam rantaian bekalan dunia yang disebabkan oleh wabak penyakit ini, yang kemudiannya disusuli oleh peperangan Rusia-Ukraine, telah menyebabkan kekurangan kepada bahan mentah penting (Pitigala, 2022; Allam et al., 2022). Keadaan ini turut membawa pengeluar bahan mentah kepada cabaran baru (Xu et al., 2020; Cui et al., 2023). Konflik tersebut telah menyebabkan ketegangan geopolitik, gangguan laluan pengangkutan, dan menimbulkan kebimbangan tentang kestabilan bekalan komoditi utama, sekaligus menimbulkan ketegangan terhadap ekosistem rantaian bekalan yang sudah sedia rapuh. Kesan daripada penularan wabak tersebut juga telah mempengaruhi sifat pengguna dari segi permintaan yang meningkat bagi produk semulajadi dan herba untuk menggalakkan ketahanan dan kesihatan tubuh secara amnya (Hu et al., 2022). Walaupun hal ini membuka peluang pertumbuhan industri herba halal yang luar biasa, kesan yang dihadapi oleh pengeluar semakin mencabar sementelah berlakunya gangguan terhadap rantaian bekalan dunia bagi memenuhi permintaan pengguna.

Menyedari akan potensi besar industri herba halal Melayu-Bumiputera, usaha bersepadu daripada pelbagai pemegang taruh amat diperlukan bagi menangani halangan-halangan yang dihadapi. Kerajaan Malaysia mestilah menggubal dasar yang menyokong dan menyediakan sumber-sumber bagi membantu pertumbuhan industri ini. Hal ini kerana industri herba halal Melayu-Bumiputera memiliki potensi besar sebagai pesaing dalam pasaran herba dunia, sekaligus menjadikan industri ini sebagai penyumbang terbesar kepada ekonomi Malaysia apabila diberikan sokongan dan sumber yang mencukupi. Oleh yang demikian, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam industri mesti diberikan laluan pembiayaan dan bantuan sokongan bagi menambahbaik produktiviti herba halal di peringkat global. Apabila kelemahan-kelemahan ini berjaya diatasi, pastinya industri herba halal Melayu-Bumiputera dapat memberikan sumbangan kepada perkembangan ekonomi dan pembangunan negara di samping memelihara budaya asli dan warisan semulajadi.

Sebelum wabak penyakit COVID-19 melanda, kerajaan telah memperkenalkan banyak program untuk memacu proses pengantarabangsaan dalam menyahut cabaran yang dihadapi oleh industri kecil dan sederhana (PKS). Antara program tersebut termasuklah Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP), Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE), Elaun Peningkatan Eksport bagi PKS, inisiatif pelaksanaan WIRA e-Dagang dan insentif SpeedMeUp (Harian Metro, 2018). Semua program ini bertujuan menyokong industri PKS dengan cara menyediakan laluan pembiayaan dan sumber lain bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing (Nurul Nadiah Ahmad et al., 2020; Azrain Nasyrah Mustapa & Armanurah Mohamad, 2021). Kerajaan juga perlu mencari jalan untuk mencipta peluang pasaran baru bagi mempromosikan herba halal dan produk berkaitan melalui pengeksportan ke pasaran global serta menggalakkan

pelaburan asing secara langsung ke dalam industri.

Di kemuncak krisis COVID-19, kerajaan telah memperkenalkan satu siri Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020) bertujuan untuk membantu industri PKS menangani kesan buruk akibat penularan wabak tersebut (Kementerian Kewangan Malaysia, 2020). Beberapa pelan strategi telah direka bagi menangani gangguan rantai bekalan yang mempengaruhi perniagaan berdasarkan import, termasuklah industri PKS herba halal. Antara elemen PRE tersebut adalah subsidi gaji, moratorium, transformasi digital, insentif cukai, diskaun bil utiliti dan kemudahan pembiayaan.

Namun begitu, muncul jurang penyelidikan berkenaan keberkesanan bantuan kerajaan (PRE2020) ini dalam mengukuhkan industri herba halal Melayu-Bumiputera. Walaupun kajian terdahulu mengakui akan potensi industri dan halangan-halangan yang dihadapi, kajian yang lebih mendalam diperlukan untuk menilai impak sebenar polisi kerajaan dan memupuk perkembangan dan pembangunan industri herba halal Melayu-Bumiputera. Kajian sebegini dapat memberi sumbangan besar dalam membuat keputusan berasaskan bukti, untuk menentukan bahagian yang memerlukan penambahbaikan, dan memberi kesedaran yang tinggi tentang strategi efektif bagi meningkatkan peluang pengantarabangsaan produk herba halal, terutamanya dalam konteks sosio-ekonomi yang khusus (Filatotcheva et al., 2022; Welter et al., 2019).

Oleh itu, makalah ini adalah bertujuan untuk menyediakan rangka kerja teoretikal yang dapat memudahkan penyelidikan akan datang bagi mengenal pasti kesan daripada pelbagai bentuk bantuan kerajaan dalam pengantarabangsaan industri herba halal. Makalah ini juga bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan industri tersebut, serta menilai pembangunan dasar dan intervensi yang berkesan untuk menyokong pertumbuhan dan pembangunannya. Asas teoretikal kajian ini penting untuk membina pengetahuan yang mendalam dan relevan dalam bidang ini, yang seterusnya dapat memberi panduan kepada dasar-dasar ekonomi, politik, dan sosial yang terlibat dalam industri herba halal di Malaysia.

## TINJAUAN LITERATUR

### MASYARAKAT ASLI DI MALAYSIA

Malaysia merupakan rumah kepada pelbagai kumpulan peribumi, yang mana setiap satunya memiliki amalan tradisi, gaya hidup dan sejarah yang tersendiri. Kumpulan ini termasuklah orang Melayu dan orang Asli di Semenanjung Malaysia, di samping pelbagai kumpulan etnik asli di Sabah dan Sarawak seperti orang Rungus, orang Iranun, orang Iban, orang Bidayuh, orang Kadazan, dan sebagainya (Kamus Dewan Perdana, 2020). Komuniti ini menyumbang kepada kekayaan budaya dan warisan Malaysia, memelihara pengetahuan tradisional dan amalan mampan yang berakar tunjang dalam persekitaran masing-masing.

Populasi peribumi di Malaysia yang juga dikenali sebagai komuniti Bumiputera, terdiri daripada Melayu dan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, definisi ini berbeza dengan istilah Bumiputera di Sabah dan Sarawak, yang merujuk kepada pelbagai kumpulan etnik peribumi seperti Kadazan-Dusun, Bajau, Dayak dan Murut (Siddique & Suryadinata, 1981). Komuniti Bumiputera merupakan sebahagian besar populasi Malaysia yang terdiri daripada lebih kurang 69.9% daripada jumlah populasi, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Populasi di Malaysia mengikut Etnik (2019 sehingga 2022)

Tahun	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain
2019	69.3%	22.8%	6.9%	1%
2020	69.6%	22.2%	6.7%	0.7%
2021	69.6%	23%	6.7%	0.7%
2022	69.9%	22.8%	6.6%	0.7%

Sumber: Jabatan Penyelidikan Statista (6 April 2023)

Komuniti peribumi di Malaysia mempunyai hubungan yang erat dengan alam, yang menjadi sebahagian daripada cara hidup mereka. Sistem pengetahuan tradisional mereka tertanam teguh dalam pemahaman dan pengurusan mampan sumber semulajadi. Komuniti ini telah membangunkan sistem pengetahuan ekologi yang mendalam, yang diturunkan kepada generasi seterusnya, bagi memudahkan mereka bergerak dan menggunakan ekosistem yang didiami (Samuel et al., 2010; Ong et al., 2012). Komuniti ini juga sering mengamalkan pengurusan sumber yang mampan, bergantung kepada amalan pertanian tradisional, perikanan, perburuan, dan teknik berkumpul yang memberikan impak yang minima kepada alam sekitar. Komuniti ini turut memiliki pemahaman yang mendalam tentang flora dan fauna tempatan, termasuk sifat-sifat perubatan pelbagai herba dan tumbuh-tumbuhan.

Perawat tradisional, dikenali sebagai dukun, memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan di kalangan komuniti peribumi. Lazimnya, penggunaan ubatan herba di kalangan komuniti peribumi berkait rapat dengan amalan kebudayaan dan kerohanian. Perawat tradisional menggabungkan pengetahuan mereka tentang tumbuh-tumbuhan dan kerohanian untuk mendiagnos dan merawat penyakit, dengan mengambil kira bahawa minda, tubuh dan roh saling berkaitan (Marques et al., 2021). Amalan penyembuhan oleh komuniti ini telah meraih pengiktirafan atas keberkesannya merawat pelbagai jenis penyakit, lantas meningkatkan minat para pengamal perubatan moden dan penyelidik. Jadual 2 memaparkan pengetahuan tentang beberapa herba asli yang terdapat di Malaysia.

JADUAL 2. Contoh-contoh Herba Asli di Malaysia dan Kegunaannya

No.	Nama tempatan	Kegunaan rawatan penyakit	Bahagian tumbuhan	Cara penyediaan	Kategori penyediaan
1	Limau purut	Kelemumur	Buah	Diperah	Ekstrak
2	Mengkudu	Tekanan darah tinggi	Daun	Dimakan segar	Secara langsung
		Cirit birit	Daun	Dicalit dan dibakar	Secara langsung
		Meningkatkan sel darah putih	Akar	Dididihkan	Air rebusan
		Kanser	Buah	Dimakan segar	Secara langsung
		Diabetes	Buah	Dimakan segar	Secara langsung
		Penyakit kulit	Buah	Dicalit	Secara langsung

	Batuk	Buah	Dikisarkan	Secara langsung	
	Hipertensi	Buah	Dimakan segar	Secara langsung	
3	Tongkat Ali	Reproduktiviti	Akar	Dididihkan	Air rebusan
		Tonik	Akar	Dididihkan	Air rebusan
		Antivirus	Akar	Dididihkan	Air rebusan
4	Pokok teh	Luka	Daun	Dilumat	Ekstrak

*Sumber:* Representasi pengetahuan herba asli Malaysia (2012)

#### PERANAN DASAR KERAJAAN DALAM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN MELAYU-BUMIPUTERA

Keusahawanan peribumi merujuk kepada amalan mencipta dan menjalankan perniagaan oleh penduduk asal (April & Itenge, 2020). Hal ini memainkan peranan yang penting dalam mempromosi sara diri ekonomi dan pemeliharaan budaya di kalangan komuniti peribumi. Ia juga menyumbang kepada ekonomi yang lebih luas melalui penghasilan inovasi, penciptaan pekerjaan, dan pembangunan ekonomi. Keusahawanan peribumi berbeza daripada keusahawanan lain dari segi konteks, matlamat, hasil, dan organisasi perusahaan. Dari sudut pandang penduduk peribumi, keusahawanan peribumi bukan semata-mata berteraskan keuntungan ekonomi tetapi lebih menjurus kepada memberi manfaat secara langsung kepada komuniti peribumi (April & Itenge, 2020). Para sarjana bersetuju bahawa keusahawanan peribumi memiliki hubungan yang kuat dengan tanah dan sumber asli (Ulluwishewa et al., 2008). Hasilnya, mereka lebih mengutamakan amalan perniagaan yang mampan dan mesra alam, selari dengan nilai-nilai budaya mereka.

Pengiktirafan orang peribumi sebagai Bumiputera merupakan dasar penting di Malaysia (Siddique & Suryadinata, 1981). Dalam konteks tindakan berkecuali dan program pembangunan sosio-ekonomi, Bumiputera dirujuk sebagai kumpulan etnik di Malaysia yang merupakan penduduk asal tanah ini. Kriteria Bumiputera dianggap sebagai kriteria penting untuk pelbagai dasar sosio-ekonomi dan program tindakan berkecuali yang menjurus kepada mempromosi kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial Melayu dan kumpulan peribumi lain. Dasar dan program ini dilakukan bagi menangani ketidaksamaan sejarah akibat penjajahan, dan memperkasa Melayu dan kumpulan peribumi lain dengan menyediakan peluang kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial.

Peranan dan sokongan dasar kerajaan memainkan peranan yang amat penting dalam menggalakkan pertumbuhan PKS bumiputera. Sebagai populasi majoriti, perniagaan bumiputera sangat penting kepada ekonomi negara, dan membantu pertumbuhan dan pembangunannya boleh memberikan impak positif terhadap keseluruhan prestasi ekonomi dan kesejahteraan sosial negara ini. Lazimnya, kerajaan menyediakan bantuan kewangan, khidmat pembangunan perniagaan, bantuan akses pasaran, dan bantuan penerimaan inovasi dan teknologi bagi membantu PKS bumiputera memperoleh akses kepada modal, pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam mengembangkan perniagaan mereka. Dasar sebegini dapat membantu PKS bumiputera bagi proses tindakan berkecuali dalam perolehan kerajaan, akses pembiayaan, dan bantuan lain untuk mempromosikan pertumbuhan dan pembangunan keusahawanan mereka.

Sejak lewat 1960-an, kerajaan Malaysia telah mewujudkan dasar-dasar khusus yang bermula dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB), bagi mempromosi penyertaan ekonomi bumiputera (Mamat et al., 2014). DEB yang dilancarkan pada tahun 1971, merupakan program tindakan



berkecuali Malaysia yang pertama bertujuan mengurangkan jurang ekonomi antara komuniti bumiputera (terutamanya Melayu) dan komuniti bukan bumiputera (terutamanya etnik Cina dan India) di negara ini. Ia menetapkan peratusan peluang tertentu, seperti lesen perniagaan, kontrak kerajaan, dan perolehan, kepada perniagaan milik bumiputera, dan menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan insentif kepada usahawan bumiputera. Sejak DEB diperkenalkan, banyak program tindakan berkecuali lain telah dilaksanakan untuk terus mempromosi kemajuan ekonomi komuniti bumiputera. Program ini telah dimasukkan di dalam Dasar Pembangunan Negara (DPN), Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), dan Model Ekonomi Baru (MEB). Secara keseluruhannya, DEB dan inisiatif-inisiatif berikutnya seperti yang termaktub dalam DPN, RMK9, dan MEB, telah menjadi landasan penting dalam mempromosikan pembangunan ekonomi yang inklusif dan saksama di Malaysia, serta untuk memperkukuhkan peranan bumiputera dalam ekonomi negara.

#### INDUSTRI HERBA HALAL MELAYU-BUMIPUTERA

Industri herba halal Melayu-Bumiputera bukan hanya memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia, tetapi juga menjadi penyumbang utama kepada pasaran halal dunia (Rajendran & Nitty Hirawaty Kamarulzaman, 2017). Industri ini bermodalkan biodiversiti Malaysia yang melimpah ruah, yang menawarkan pelbagai herba asli yang terkenal dengan sifat perubatan dan kepentingan budayanya. Ia merangkumi penanaman, pemprosesan, dan pemasaran herba yang disahkan halal. Berdasarkan Jabatan Statistik Malaysia, sektor makanan halal menyumbang dengan ketara kepada ekonomi negara, iaitu sebanyak 7.6% daripada jumlah Produk Domestik Kasar (PDK) pada tahun 2020. Oleh yang demikian, industri ini dilihat mampu memenuhi keperluan kedua-dua pasaran domestik dan antarabangsa, yang menjadikan pemakanan dan perubatan pengguna Islam sebagai fokus utama.

Halal, yang bermaksud “dibenarkan” dalam Bahasa Arab, (Hanzaee & Ramezani, 2011), merujuk kepada produk dan amalan yang mematuhi peraturan dan dibenarkan menurut syariat Islam, seperti yang digariskan di dalam Quran dan Hadith. Konsep halal, berakar tunjang dalam prinsip Islam, mempunyai kepentingan yang besar dalam perdagangan herba halal dan produk berkaitan di peringkat antarabangsa. Pensijilan halal memastikan bahawa semua produk mematuhi syarat yang ketat dan piawai yang ditetapkan oleh syariat Islam di sepanjang rantai bekalan, bermula daripada pemerolehan bahan mentah kepada pemprosesan, pembungkusan, dan pengedaran seperti yang termaktub di dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia Semakan ketiga (MPPHM, 2014).

Industri herba halal merupakan bahagian penting dalam pasaran produk semulajadi dan herba dunia. Industri ini merangkumi pengeluaran, pemprosesan, dan pengedaran produk semulajadi dan herba yang mematuhi peraturan dan undang-undang pemakanan Islam. Sektor ini telah menyaksikan pertumbuhan yang memberangsangkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, yang didorong oleh pelbagai faktor, dan pertambahan populasi Islam di seluruh dunia. Meskipun angka yang tepat mungkin berbeza, kajian mencadangkan bahawa pasaran halal dunia sedang berkembang dengan pantas dan dianggarkan mencecah trilion dollar menjelang tahun 2050 (Ghosh, 2013). Industri herba halal dijangka mampu menyumbang secara ketara kepada pertumbuhan ini (Farizah Ahmad et al., 2015), dengan dorongan daripada populariti produk disahkan halal yang bertambah di kalangan pengguna Islam dan pasaran yang lebih luas.

Secara amnya, industri herba dilihat mampu untuk membantu prestasi kewangan negara. Menurut Rajendran & Nitty Hirawaty Kamarulzaman (2017), produk berasaskan herba telah menghasilkan untung kasar sebanyak lebih RM5.4 bilion dalam satu tahun. Gabungan

masyarakat berbilang kaum di Malaysia mengembangkan lagi peluang industri herba negara ini. Banyak kajian terdahulu telah mendapati bahawa pelbagai pilihan boleh dihasilkan daripada satu tumbuhan herba, bukan sahaja terhad kepada makanan tetapi juga produk penjagaan kesihatan, kosmetik, wangian, dan perubatan. Beberapa tumbuhan herba yang lazimnya dijumpai di Malaysia termasuklah nenas kerang dan bunga telang.

Sejajar dengan peningkatan permintaan produk halal seluruh dunia, adalah penting untuk menekankan pembangunan industri herba halal di Malaysia sebagai pelaburan dan pilihan perdagangan yang mampu dilaksanakan. Demi mencapai matlamat ini, peranan setiap rantaian bekalan herba halal yang terdiri daripada pembekal, pengilang, peruncit dan pengguna amat penting dalam mengukuhkan pasaran industri herba halal. Pemulihan daripada pandemik yang melanda baru-baru ini sememangnya satu cabaran yang hebat buat perniagaan ini, dan kerajaan menggalas tanggung jawab yang besar dalam mengambil tindakan progresif dan campur tangan bagi meringankan beban warga industri. Peranan rantaian bekalan industri herba halal Melayu-Bumiputera adalah kunci dalam usaha untuk menembusi pasaran dunia.

Kajian lepas telah mengusulkan logistik sebagai pengantara dalam rangka kerja yang lebih luas untuk ketahanan rantaian bekalan farmaseutikal halal (Aigbogun et al., 2014). Kajian-kajian ini telah mengenal pasti kepentingan dalam mempertimbangkan syarat-syarat khusus dan pertimbangan melibatkan amalan halal dalam industri farmaseutikal. Manakala, rantaian bekalan halal bagi industri herba halal pula merangkumi pelbagai peringkat, bermula daripada penanaman dan penuaian kepada pemprosesan, pembungkusan, pengedaran, dan peruncitan (Rajendran & Nitty Hirawaty Kamarulzaman, 2017; Hasan, 2021). Setiap peringkat mesti menitikberatkan soal integriti, kualiti dan piawaian halal produk dipatuhi. Dalam konteks pasaran global, kepentingan rantaian bekalan semakin meningkat. Berikut merupakan gambaran keseluruhan bagaimana rantaian bekalan herba halal Melayu-Bumiputera bersilang dengan pasaran dunia berdasarkan rantaian bekalan yang dinyatakan oleh Rajendran & Nitty Hirawaty Kamarulzaman (2017):

- a) **Penanaman dan Penuaian:** Penanaman dan penuaian herba halal yang mematuhi syarat-syarat halal menjadi asas kepada penghasilan produk yang tulen dan patuh Syariah. Menanam herba kualiti tinggi yang mempunyai ciri-ciri khusus dan kepentingan budaya boleh menyumbang kepada daya saing industri dalam pasaran dunia.
- b) **Pemprosesan dan Pembungkusan:** Peringkat pemprosesan yang terdiri daripada pengeringan, pengisaran, dan pengekstrakan minyak pati, memanjangkan jangka hayat dan kebolegunaan herba tersebut. Pematuhan piawaian halal semasa pemprosesan dibuat supaya produk mengikut syarat-syarat pemakanan pengguna Islam seluruh dunia. Pembungkusan yang betul, penglabelan, dan pengesahan pensijilan juga penting untuk pengenalpastian produk, kebolehkesanan, dan penerimaan pasaran.
- c) **Pengedaran dan Akses Pasaran Dunia:** Bagi memasuki pasaran global, keberkesanan jaringan pengedaran dan logistik menjadi sangat penting. Kerjasama dengan pengedar, pemborong, dan peruncit dengan rangkaian antarabangsa yang mantap membantu meluaskan jaringan pasaran dan memastikan penghantaran dilakukan pada masa yang tepat. Peraturan perdagangan antarabangsa, termasuk syarat-syarat import/eksport, prosedur kastam, dan dokumentasi, mesti dipatuhi agar perjalanan produk merentasi sempadan berjalan lancar.



Apabila semua aspek ini disatukan dalam rangkaian bekalan, industri herba halal Melayu Bumiputera mampu menembusi pasaran dunia dengan lebih berkesan, di samping dapat memanfaatkan pangkalan pengguna yang lebih besar. Malah hal ini akan membawa kepada kepelbagaian aliran pendapatan, dan meningkatkan kehadiran produk herba halal Melayu-Bumiputera di persada global. Hal ini sudah pasti akan mencipta peluang pertumbuhan ekonomi, menjana pendapatan eksport, menarik pelaburan asing, serta meningkatkan reputasi dan pengiktirafan di seluruh dunia.

## CABARAN DAN HALANGAN INDUSTRI HERBA HALAL

Industri herba halal Melayu-Bumiputera dilihat berdepan dengan pelbagai cabaran yang boleh menjejaskan pertumbuhan serta daya saingnya. Cabaran pertama yang dihadapi oleh industri herba halal Melayu-Bumiputera adalah kebergantungannya terhadap bahan mentah import (Mohd Hafizudin Zakaria et al., 2019). Kekangan dalam mendapatkan bahan mentah tempatan adalah halangan yang kritikal untuk diatasi. Statistik menunjukkan bahawa industri ini bergantung sepenuhnya kepada bahan mentah dan produk siap yang diimport. Berdasarkan data kajian oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) pada tahun 2002, dianggarkan lebih kurang 50% usahawan PKS herba bergantung kepada bahan mentah yang diimport dari luar negara (Mohd Hafizudin Zakaria et al., 2019). Kebergantungan ini meningkatkan kos pengeluaran, menjejaskan kawalan kualiti, dan mendedahkan industri kepada turun naik pasaran antarabangsa. Bagi mengatasi kelemahan ini, adalah sangat relevan untuk mempromosikan penanaman tempatan di dalam negara kita sendiri.

Kendati negara ini kaya dengan biodiversiti, namun industri ini masih menghadapi halangan dalam amalan penanaman, infrastruktur, dan pembiayaan (Mohd Hafizudin Zakaria et al., 2019; Farizah Ahmad et al., 2015). Bagi menangani kekangan ini, pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan amat diperlukan. Peruntukan sumber untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan sudah pastinya dapat membantu mengenalpasti penanaman herba halal yang baru, menambahbaik teknik pemprosesan, dan membangun produk dengan tambah nilai yang lebih bermutu tinggi. Hal yang demikian bukan sahaja menggalakkan pemerolehan bahan mentah tempatan, malah merangsang inovasi dan pertumbuhan ekonomi dalam industri.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, krisis COVID-19 telah menyebabkan kegagalan rangkaian bekalan dunia yang teruk, sekaligus memberi kesan buruk kepada industri herba halal. Mengikut laporan industri, krisis tersebut telah mengakibatkan penurunan yang ketara dalam nilai eksport dan mengganggu pemerolehan bahan mentah (Xu et al., 2020; Cai, 2020). Satu tinjauan yang telah dijalankan di kalangan pemegang taruh industri mendapati bahawa 80% perniagaan mengalami kelewatan dalam penghantaran, sementara 60% menghadapi kekurangan bahan mentah akibat arahan pengasingan dan cabaran logistik. Gangguan ini memberi kesan kepada kewangan secara langsung, di mana industri mengalami kemerosotan dengan anggaran 25% dalam pendapatan pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya.

Salah satu impak utama wabak COVID-19 terhadap rangkaian bekalan dunia adalah gangguan pada jaringan logistik dan pengangkutan. Arahan pengasingan dan sekatan pergerakan yang dikenakan oleh kerajaan seluruh dunia telah menyebabkan pembatalan penghantaran, sekaligus melewati penghantaran bahan mentah dan barangan siap. Industri PKS herba halal Melayu-Bumiputera yang banyak bergantung kepada bahan mentah yang diimport dalam skala yang besar, telah menghadapi kesukaran untuk menjamin bekalan yang tepat pada masanya.

Sehingga kini, kos dan risiko pengoperasian ladang sememangnya besar sehinggakan kebanyakan PKS cenderung untuk mendapatkan bekalan bahan mentah mereka dari luar negara.

Perubahan sikap pengguna semasa pandemik telah menjejaskan rantaian bekalan dan permintaan yang dinamik bagi industri herba halal. Semasa pandemik, bahagian eksport industri telah mengalami kesukaran memasuki pasaran antarabangsa. Rentetan daripada sekatan ke atas perjalanan dan logistik antarabangsa, industri ini telah berdepan dengan pelbagai rintangan dalam menarik perhatian pelanggan luar negara dan memenuhi pesanan eksport (Pitigala, 2022; Allam et al., 2022). Hal ini telah mengurangkan hasil pendapatan dan mengehadkan perkembangan pasaran PKS herba halal yang sedang membangun. Tambahan pula, peralihan ke arah pembelian atas talian telah mengubah corak pengguna dan mencipta cabaran dalam memenuhi pilihan baru pelanggan. Industri ini perlu menyesuaikan diri dengan lonjakan e-dagang, melabur dalam platform atas talian, dan mewujudkan jaringan penghantaran dari gudang ke pengguna yang berkesan bagi memenuhi keperluan permintaan yang berubah-ubah.

## PERBINCANGAN

Wabak penyakit COVID-19 telah memberi kesan yang besar kepada ekonomi seluruh dunia, termasuklah industri herba halal Melayu-Bumiputera. Salah satu kesan yang ketara akibat pandemik tersebut adalah gangguan kepada rantaian bekalan dunia (Xu et al., 2020; Cai & Luo, 2020). Bagi mengurangkan masalah ini, industri perlu membangunkan jaringan rantaian bekalan yang baru dan lebih teguh. Usaha kerjasama dalam kalangan petani atau peladang, pengilang, pengedar, dan peruncit boleh menambahbaik kebolehpercayaan dan melancarkan aliran bahan mentah dan produk siap. Pekebun kecil komoditi seperti getah dan minyak sawit sewajarnya digalakkan untuk melakukan penanaman herba sebagai sumber tambahan pendapatan. Bagi suri rumah dan ibu tunggal, penanaman herba boleh dijadikan kaedah untuk menambah produktiviti ekonomi dan rezeki keluarga.

Dari sudut pandangan kerajaan, pelbagai program telah diperkenalkan sebelum ini bagi meningkatkan pertumbuhan industri herba halal, termasuklah memberi bantuan kewangan tunai secara *one-off* kepada industri perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Program ini diharapkan dapat memberi kesan positif terhadap pengantarabangsaan industri herba halal Melayu-Bumiputera, memandangkan industri ini berpotensi untuk mengembangkan operasinya, melabur dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), dan menggalakkan daya saing antarabangsa. Melalui peningkatan dalam kestabilan kewangan, warga industri boleh memperuntukkan sumber-sumber ke arah membangunkan dan melaksanakan strategi pengantarabangsaan, seperti kajian pasaran, penyesuaian produk, dan mewujudkan jaringan pengedaran dalam pasaran sasaran.

Semasa pandemik COVID-19, pakej rangsangan ekonomi istimewa telah diwujudkan oleh kerajaan negara ini. Melalui geran, pinjaman, moratorium dan subsidi, semua pakej ini menawarkan talian hayat kepada warga industri herba halal Melayu-Bumiputera, membantu mereka menangani depresi kewangan yang teruk akibat pandemik (Nurul Nadiah Ahmad et al., 2020). Tiada usaha dilakukan dalam mengukur keberkesanan pelbagai pakej rangsangan yang diperkenalkan sejak awalnya. Untuk sektor herba halal Melayu-Bumiputera mencapai matlamat yang digariskan dalam RMK12, pakej rangsangan ini perlu diteliti, dikaji dan dihidupkan semula, terutamanya dalam menangani cabaran rantaian bekalan dalam persekitaran pasca-pandemik.

Melalui penganjuran misi perdagangan global, kerajaan dapat membantu industri herba halal Melayu-Bumiputera mengembangkan capaian antarabangsanya. Inisiatif ini memainkan

peranan yang penting dalam membantu warga industri berhubung dengan bakal pembeli, meneroka pasaran antarabangsa yang baru, dan meningkatkan jumlah eksport mereka. Tambahan pula, perjanjian perdagangan dan penyusunan keutamaan dagangan yang dipermudahkan melalui program seperti ini dapat mencipta keadaan yang menggalakkan perdagangan antarabangsa herba halal, sekaligus menaikkan usaha globalisasi industri.

Pakej rangsangan ekonomi juga sering membantu para pengusaha industri dari sudut pelaburan dalam inovasi, penyelidikan, dan pembangunan. Dengan memperuntukkan sumber kepada bahagian-bahagian ini, kerajaan berupaya menggalakkan penciptaan produk baru, menaiktaraf proses pengeluaran, dan meningkatkan daya saing secara keseluruhan bagi industri herba halal Melayu-Bumiputera. Pembangunan produk inovatif, seperti ekstrak herba tambah-nilai atau formulasi baru, dapat menarik minat pembeli antarabangsa untuk mencari tawaran yang unik. Di samping itu, pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan dapat membantu memastikan pematuhan terhadap peraturan dan piawaian antarabangsa, meletakkan industri ini sebagai peneraju pasaran herba halal dunia. Usaha ini akan menyumbang kepada pengantarabangsaan industri dengan cara meningkatkan bahagian pasarnya dan membezakan penawarannya daripada pesaing luar.

Justeri, pakej rangsangan ekonomi juga bertujuan untuk menyediakan peruntukan bagi latihan kemahiran dan pengukuhan moral. Dengan melabur dalam pembentukan modal insan, pakej ini mampu melengkapkan komuniti industri dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing secara berkesan di pasaran antarabangsa. Program latihan boleh membantu dari sudut penambahbaikan kualiti produk, kajian pasaran, penjenamaan, dan pengurusan eksport. Melalui peningkatan kemahiran dan keupayaan profesional industri, para pengusaha boleh didedahkan kepada pematuhan piawaian antarabangsa, dan pemahaman yang lebih baik tentang pasaran global. Rentetan itu, hal ini pastinya dapat memudahkan proses pengantarabangsaan dengan cara membolehkan warga industri membangun strategi pemasaran yang sesuai, mewujudkan hubungan perniagaan yang kuat dengan rakan niaga antarabangsa, dan mengharungi halangan di pasaran asing secara efektif.

Sungguh pun pakej rangsangan ekonomi menyediakan pelbagai sokongan penting kepada industri herba halal Melayu-Bumiputera, adalah kritikal untuk mempertimbangkan cabaran dan kekangan yang mungkin masih berterusan. Peraturan dan syarat di pasaran asing, seperti syarat-syarat pensijilan produk atau pemilihan sesetengah produk herba, boleh menimbulkan cabaran kepada usaha tempatan untuk berdiri teguh di pasaran antarabangsa. Akses kepada maklumat pasaran dan jaringan yang terhad mungkin juga menghalang warga industri yang berpotensi untuk mengenalpasti dan memanfaatkan pasaran antarabangsa. Selain itu, keperluan untuk mengubah suai strategi pemasaran dan penyesuaian produk tempatan bagi mematuhi pemilihan dan peraturan negara yang berbeza memerlukan sumber dan kepakaran tambahan. Bagi mengatasi cabaran ini, kerjasama erat antara warga industri, agensi kerajaan, dan pemegang taruh yang relevan diperlukan bagi memastikan pakej rangsangan ekonomi ini mampu menangani keperluan industri tertentu dengan berkesan dan menyediakan sokongan yang menyeluruh untuk ke peringkat antarabangsa.

## APLIKASI TEORI PANDANGAN BERASASKAN SUMBER (RBV)


Teori Pandangan Berdasarkan Sumber (RBV) berakar umbi dalam bidang pengurusan strategik (Donnellan & Rutledge, 2019; Freeman et al., 2021). Ia menawarkan rangka kerja bagi memahami bagaimana organisasi dapat mencapai kelebihan untuk berdaya saing dengan cara memanfaatkan sumber dan keupayaan mereka yang unik. Berdasarkan teori RBV, organisasi memiliki kedua-dua sumber ketara dan tidak ketara (Wernerfelt, 1995). Semua sumber ini termasuklah modal insan (kemahiran dan pengetahuan pekerja), modal fizikal (seperti infrastruktur dan teknologi), dan modal organisasi (struktur, rutin, dan budaya). Idea di mana organisasi dapat dilihat sebagai sebuah koleksi sumber telah dicadangkan oleh Penrose (Rugman & Verbeke, 2002). Kajian beliau meletakkan bahawa asas kepada teori RBV adalah melalui penekanan peranan sumber dalam organisasi. Pembangunan teori RBV kemudian dikembangkan lagi oleh para sarjana seperti Wernerfelt dan Barney. Kajian Wernerfelt menyumbang kepada pemahaman tentang bagaimana heterogeniti sumber dan ketidakbolehergerakan mempengaruhi kelebihan untuk berdaya saing. Sumbangan Barney terkenal dengan penumpuan beliau ke atas sumber strategik sebagai sumber kepada kelebihan berdaya saing sesebuah organisasi. Kajian beliau menekankan ketidakbiasaan, nilai, keaslian, dan ketidakbolehgantian (VRIN) sumber sebagai penentu utama kelebihan berdaya saing.

Teori RBV boleh digunakan untuk pemetaan hubungan antara sumber dan keupayaan sesebuah keusahawanan peribumi secara strategik dalam konteks pandemik COVID-19 dan pakej rangsangan ekonomi. Pemetaan ini membantu mengenalpasti dan memahami aset unik dan kecekapan yang dimiliki oleh usahawan peribumi. Teori RBV juga menilai kelebihan berdaya saing dan strategi pengantarabangsaan industri herba halal Melayu-Bumiputera. Industri ini memiliki sumber ketara dan tidak ketara yang unik, merangkumi akses kepada pelbagai herba yang jarang ditemui dan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, pengetahuan yang mendalam tentang proses pengeluaran produk herba yang halal dan sah di sisi agama dan penubuhan rangkaian pengedaran. Semua sumber ini mempunyai ciri-ciri VRIN yang ditekankan oleh RBV, yang menyumbang kepada sisi daya saingnya secara kolektif. Oleh sebab itu, teori ini merupakan aset yang penting dalam memahami bagaimana industri herba halal Melayu-Bumiputera dapat kekal berada dalam kedudukan yang kuat di pasaran global.

Berdasarkan perbincangan di atas, makalah ini mencadangkan rangka kerja berasaskan konsep seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah. Rantainya bekalan seperti bahan mentah, kemahiran pekerja, rakan kongsi dan pengedar sebagai pemboleh ubah tidak bersandar (IV). Manakala, pengantarabangsaan sebagai pemboleh ubah mediator dan prestasi syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebagai pemboleh ubah bersandar (DV). Pakej rangsangan ekonomi seperti bantuan kewangan, pembangunan infrastruktur, promosi nilai eksport dan peningkatan kemahiran berasaskan komuniti sebagai pemboleh ubah moderator.

Berdasarkan teori RBV, pakej rangsangan ekonomi Malaysia akan memberi peluang kepada perniagaan herba halal Melayu-Bumiputera untuk meluaskan aktiviti rantai bekalan mereka ke arena global. Secara keseluruhannya, pendekatan ini menggariskan bagaimana pakej rangsangan ekonomi yang bijak dan bersistem boleh memberi dorongan penting kepada pengantarabangsaan dan pertumbuhan industri herba halal Melayu-Bumiputera, serta menyokong pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan bagi Malaysia dalam jangka panjang.

RAJAH 1. Cadangan Rangka Kerja Teori



Rangka kerja di atas dibina untuk memberi sumbangan yang penting kepada penyelidikan tentang PKS herba halal Melayu-Bumiputera pada masa akan datang kerana ia menyediakan platform bagi menguji kesan bantuan kerajaan terhadap pengurusan rantaian bekalan, pengantarabangsaan dan prestasi ekonomi industri PKS. Rangka kerja tersebut menyatakan bahawa untuk industri herba halal mencapai kemampuan kewangan, pertumbuhannya dalam pasaran antarabangsa mesti dipermudahkan melalui rantaian bekalan yang berkesan. Walau bagaimanapun, kesan rantaian bekalan ke atas pengantarabangsaan bergantung kepada pakej rangsangan ekonomi pasca-pandemik, di mana bantuan kewangan, promosi eksport, pembangunan infrastruktur dan peningkatan kemahiran berasaskan masyarakat wajar diambil kira. Pembangunan rangka kerja ini akan membolehkan para penyelidik akan datang mengukur impak bantuan kerajaan yang berbeza ke atas pengantarabangsaan dan prestasi industri herba halal Melayu-Bumiputera, terutamanya dalam konteks pemulihan daripada pandemik COVID-19.

## KESIMPULAN

Di peringkat antarabangsa, industri herba halal semakin mendapat perhatian yang penting disebabkan oleh pemilihan pengguna kepada produk semulajadi dan organik yang kian meningkat, serta produk yang mendapat status pengiktirafan halal. Penglibatan dalam pengeluaran, pemprosesan dan perdagangan herba halal boleh membantu menjana pendapatan yang agak lumayan dan mencipta peluang pekerjaan di kalangan Melayu-Bumiputera, sekaligus mengurangkan jurang perbezaan sosio-ekonomi antara mereka dan kumpulan etnik lain di negara ini. Namun begitu, persaingan di peringkat global adalah cabaran yang sukar bagi usahawan Melayu-Bumiputera kerana rangkaian antarabangsa yang terhad menghalang kapasiti rantaian bekalan mereka (Zahariah Mohd Zain et al., 2012). Meskipun kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memperkasa dan menggalakkan pembangunan perniagaan Melayu-Bumiputera, industri herba halal masih menunjukkan prestasi rendah disebabkan oleh



kesukaran yang mereka hadapi dalam memperoleh akses kepada maklumat pasaran antarabangsa, rakan niaga, bahan mentah, saluran pengedaran, dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, pakej rangsangan ekonomi yang segar amat penting untuk diperkenalkan dalam persekitaran pasca-pandemik semasa, bagi mengatasi kelemahan ini yang berkaitan dengan rantai bekalan dan pengantarabangsaan di kalangan industri PKS Melayu-Bumiputera.

Inisiatif kerajaan untuk PKS lazimnya menyasarkan akses kepada pembiayaan, infrastruktur dan latihan. Menurut teori Pandangan Berasaskan Sumber (Donnellan & Rutledgem, 2019; Freeman et al., 2021; Hoskisson et al., 1999), pakej rangsangan ekonomi dijangka memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan dan pengantarabangsaan perniagaan herba halal, terutamanya apabila menghadapi kekangan kewangan dan kekangan rangkaian sumber. Seperti kajian oleh Boussebaa (2023), makalah ini berhujah bahawa proses pengantarabangsaan dan keperluan PKS dalam negara membangun seperti Malaysia amat berbeza daripada syarikat multinasional barat yang besar. Bagi usahawan peribumi, inisiatif yang berfokuskan komuniti seperti latihan celik kewangan dan bimbingan perniagaan penting disebabkan latar belakang perniagaan mereka yang terbatas. Kerjasama strategik dan pendekatan menyeluruh kepada peringkat antarabangsa dapat membantu industri mengemudi lanskap pasaran global dengan jayanya melalui usaha yang diselaraskan dan sistem pensijilan halal. Justeru, dengan memanfaatkan pakej ini, PKS Melayu-Bumiputera dapat mengatasi kelesuan ekonomi yang ditinggalkan pasca COVID-19, meningkatkan produktiviti dan daya saing, serta mengembangkan capaian mereka melangkaui sempadan Malaysia.

Perbahasan yang disajikan dalam makalah ini berkaitan dengan pakej rangsangan ekonomi, rantai bekalan, pengantarabangsaan dan prestasi ekonomi PKS herba halal Melayu-Bumiputera dalam satu rangka kerja teoretikal. Rangka kerja ini menekankan kepentingan memperkenalkan intervensi baru untuk membantu PKS herba halal Melayu-Bumiputera pulih dari kesan pandemik COVID-19 yang masih wujud hingga ke hari ini. Ia boleh digunakan dalam penyelidikan akan datang untuk mengukur impak pelbagai bentuk bantuan kerajaan ke atas pengantarabangsaan dan prestasi pasca-pandemik PKS herba halal Melayu-Bumiputera.

#### PENGHARGAAN

*Penulis merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atas bantuan kewangan dalam menyiapkan kajian ini (Skim Geran Penyelidikan Asas No. Projek FP037-2022).*

#### RUJUKAN

- Abdulrahman, M. D., Abdul Manaf Ali, Nur Fatimah Hasan Nudin, Khandaker, M. M., & Nashriyah Mat. 2018. Traditional medicinal knowledge of Malays in Terengganu, Peninsular Malaysia. *Malayan Nature Journal*, 70(3). [https://www.researchgate.net/profile/Mohammad-Khandaker/publication/327664670\\_Traditional\\_medicinal\\_knowledge\\_of\\_Malays\\_in\\_Terengganu\\_Peninsular\\_Malaysia/links/5b9ca93092851ca9ed0aae33/Traditional-medicinal-knowledge-of-Malays-in-Terengganu-Peninsular-Malaysia.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Mohammad-Khandaker/publication/327664670_Traditional_medicinal_knowledge_of_Malays_in_Terengganu_Peninsular_Malaysia/links/5b9ca93092851ca9ed0aae33/Traditional-medicinal-knowledge-of-Malays-in-Terengganu-Peninsular-Malaysia.pdf). Retrieved on: 15 January 2024.
- Aigbogun, O., Zulkipli Ghazali, & Radzuan Razali. 2014. A framework to enhance supply chain resilience in the case of the Malaysian pharmaceutical industry. *Global Business and*

- Management Research*, 6(3), 219-228. [https://www.researchgate.net/profile/Osaro-Aigbogun/publication/331063876\\_A\\_Framework\\_to\\_Enhance\\_Supply\\_Chain\\_Resilience\\_The\\_Case\\_of\\_Malaysian\\_Pharmaceutical\\_Industry/links/5c63f06845851582c3e47b6a/A-Framework-to-Enhance-Supply-Chain-Resilience-The-Case-of-Malaysian-Pharmaceutical-Industry.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Osaro-Aigbogun/publication/331063876_A_Framework_to_Enhance_Supply_Chain_Resilience_The_Case_of_Malaysian_Pharmaceutical_Industry/links/5c63f06845851582c3e47b6a/A-Framework-to-Enhance-Supply-Chain-Resilience-The-Case-of-Malaysian-Pharmaceutical-Industry.pdf). Retrieved on: 15 January 2024.
- Allam, Z., Bibri, S. E., & Sharpe, S. A. 2022. The rising impacts of the COVID-19 pandemic and the Russia–Ukraine war: Energy transition, climate justice, global inequality, and supply chain disruption. MDPI. <https://www.mdpi.com/2079-9276/11/11/99>. Retrieved on: 10 January 2024.
- April, W. I., & Itenge, D. I. 2020. Fostering indigenous entrepreneurship amongst San people: An exploratory case of Tsumkwe. *International Journal of Business and Globalisation*, 24(4), 496-512. <https://doi.org/10.1504/IJBG.2020.106955>. Retrieved on: 10 January 2024.
- Azrain Nasyrah Mustapa & Armanurah Mohamad. 2021. Malaysian government business support and assistance for small and medium enterprises: A case of COVID-19 pandemic crisis. In *Modeling Economic Growth in Contemporary Malaysia* (pp. 291-305). Emerald Publishing Limited. <https://doi.org/10.1108/978-1-80043-806-420211022>. Retrieved on: 8 January 2024.
- Bastien, F., Coraiola, D. M., & Foster, W. M. 2023. Indigenous peoples and organisation studies. *Organisation Studies*, 44(4), 659-675. <https://doi.org/10.1177/01708406221141545>. Retrieved on: 8 January 2024.
- Boussebaa, M. 2023. Decolonizing international business. *Critical Perspectives on International Business.*, DOI: <https://doi.org/10.1108/cpoib-12-2022-0121>. Retrieved on: 8 January 2024.
- Cai, M., & Luo, J. 2020. Influence of COVID-19 on manufacturing industry and corresponding countermeasures from supply chain perspective. *Journal of Shanghai Jiaotong University (Science)*, 25(4), 409-416. <https://doi.org/10.1007/s12204-020-2206-z>. Retrieved on: 13 January 2024.
- Cui, L., Yue, S., Nghiem, X.-H., & Duan, M. 2023. Exploring the risk and economic vulnerability of global energy supply chain interruption in the context of Russo-Ukrainian war. *Resources Policy*, 81, 103373. <https://doi.org/10.1016/j.resourpol.2023.103373>. Retrieved on: 20 January 2024.
- Donnellan, J., & Rutledge, W. L. 2019. A case for resource-based view and competitive advantage in banking. *Managerial and Decision Economics*, 40(6), 728-737. <https://doi.org/10.1002/mde.3041>. Retrieved on: 2 February 2024.
- Farizah Ahmad, Mohd Azlan Shah Zaidi, Noorasiah Sulaiman, & Fadzilah Adibah Abdul Majid. 2015. Issues and challenges in the development of the herbal industry in Malaysia. *Prosiding Perkem*, 10(1), 227-238. [https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkem2015/PERKEM\\_2015\\_3A1.pdf](https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkem2015/PERKEM_2015_3A1.pdf). Retrieved on: 12 January 2024.
- Filatotcheva, I., Ireland, R.D., & Stahl, G.K. 2022. Contextualising management research: An open systems perspective. *Journal of Management Studies*, 59(4), 1036-1056. <https://doi.org/10.1111/joms.12754>. Retrieved on: 8 January 2024.
- Freeman, R. E., Dmytriyev, S. D., & Phillips, R. A. 2021. Stakeholder theory and the Resource-Based View of the Firm. *Journal of Management*, 47(7), 1757-1770. <https://doi.org/10.1177/0149206321993576>. Retrieved on: 27 January 2024.

- Ghosh, S. P. 2013. Promotion of medicinal and aromatic plants in the Asia-Pacific region. *Expert Consultation on Promotion of Medicinal and Aromatic Plants in the Asia-Pacific Region: Proceedings*, 33. Bangkok, Thailand.
- Hanzaee, K. H., & Ramezani, M. R. 2011. Intention to halal products in the world markets. *Interdisciplinary Journal of research in Business*, 1(5), 1-7. [https://www.academia.edu/download/32961652/Intention\\_to\\_Halal\\_products\\_in\\_the\\_world\\_Markets.pdf](https://www.academia.edu/download/32961652/Intention_to_Halal_products_in_the_world_Markets.pdf). Retrieved on: 5 February 2024.
- Hasan, Z. 2021. Making Indonesia as integrated halal zone and world halal sector hub through the implementation of Halal supply chain. *Journal of Islamic Economic and Business Research*, 1(1), 1-14. <https://jiebr.umy.ac.id/index.php/jiebr/article/download/2/3>. Retrieved on: 5 February 2024.
- Hu, P., Bhuiyan, M. A., Rahman, M. K., Hossain, M. M., & Akter, S. 2022. Impact of COVID-19 pandemic on consumer behavioural intention to purchase green products. *PloS one*, 17(10), e0275541. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0275541>. Retrieved on: 5 January 2024.
- Kamus Dewan*. 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Perdana*. 2020. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kardooni, R., Kari, F. B., Yahaya, S. R. B., & Yusup, S. H. 2014. Traditional knowledge of Orang Asli on forests in peninsular Malaysia. *Indian Journal of Traditional Knowledge*, 13(2), 283–291. <https://nopr.niscpr.res.in/bitstream/123456789/27915/1/IJTK%2013%282%29%20283-291.pdf>. Retrieved on: 5 January 2024.
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2020. *Siaran Media Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 Membantu Individu, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam Menghadapi Isu COVID-19*. Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia.
- Mamat, M. A. A., Saat, I., & Ariffin, K. 2014. Impak Dasar Ekonomi Baru ke atas Peningkatan Ekonomi Bumiputera Selepas Tragedi 13 Mei 1969: The Impact of New Economic Policy on Economic Improvement Tragedy to Bumiputera after 13 of May 1969. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 6(3), 138–151. Retrieved from <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1680>. Retrieved on: 29 January 2024.
- Marques, B., Freeman, C., & Carter, L. 2021. Adapting Traditional Healing Values and Beliefs into Therapeutic Cultural Environments for Health and Well-Being. *International journal of environmental research and public health*, 19(1), 426. <https://doi.org/10.3390/ijerph19010426>. Retrieved on: 18 January 2024.
- Mohd Hafizudin Zakaria, Nik Rahimah Nik Omar, Nor Amna A'liah Mohammad Nor, & Roslina Ali. 2019. Transformation of herbal industry in Malaysia. *Macro Outlook of Herbal Industry in Malaysia, Agribusiness*. Food and Fertiliser Technology for the Asian and Pacific Region (FFTC- AP), Malaysia. <https://ap.ffc.org.tw/article/1385>. Retrieved on: 10 February 2024.
- Mat Deraseh, M. Z. A. I., Hanafiah, M. G., Mohd Yusoff, M. Y., Wan Abdullah, W. N., & Taha, M. Q. 2023. Penggunaan Buah-Buahan dan Daun-Daunan Sebagai bahan pencuci alamiah Dalam Perubatan Tradisional Melayu. *Akademika*, 93(3), 225–236. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9303-17>
- Nurul Nadiah Ahmad, Wan Noordiana Wan Hanafi, Wan Mohamad Taufik Wan Abdullah, Salina Daud, & Siti Norhidayah Toolib. 2020. The effectiveness of additional PRIHATIN

- SME economic stimulus package (PRIHATIN SME+) in Malaysia post-COVID-19 outbreak: A conceptual paper. *Global Business & Management Research*, 12(4), 754-763. <http://gbmrjournal.com/pdf/v12n4/V12N4-73.pdf>. Retrieved on: 11 February 2024.
- Padilla-Meléndez, A., Plaza-Angulo, J. J., Del-Aguila-Obra, A. R., & Ciruela-Lorenzo, A. M. 2022. Indigenous entrepreneurship. Current issues and future lines. *Entrepreneurship and Regional Development*, 34(1-2), 6-31. <https://doi.org/10.1080/08985626.2021.2011962>. Retrieved on: 14 January 2024.
- Pazim Othman, Irfan Sungkar, & Wan Sabri Wan Hussin. 2009. Malaysia as an international halal food hub: competitiveness and potential of meat-based industries. *ASEAN Economic Bulletin*, 306-320. <https://www.academia.edu/download/8608362/Malaysia%20as%20an%20International%20Halal%20Food%20Hub.pdf>. Retrieved on: 10 January 2024.
- Pitigala, N. 2022. Covid-19 and Russia-ukraine war: Trade impacts on developing and emerging markets. *Sri Lanka Journal of Economic Research*, 10(1), 113–137. <https://doi.org/http://doi.org/10.4038/sljer.v10i1.177>. Retrieved on: 3 March 2024.
- Rajendran, S. D., & Nitty Hirawaty Kamarulzaman. 2017. Preserving halal Integrity in herbs and herbal industry supply chain. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 3(2), 93-104. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/30365/1/30365.pdf>. Retrieved on: 23 January 2024.
- Rajendran, S. D., & Nitty Hirawaty Kamarulzaman. 2023. Review of issues and challenges in the growing use of herbal-based products. *Science Letters*(1), 16-31%V 17. <https://doi.org/10.24191/sl.v17i1.18516>. Retrieved on: 25 January 2024.
- Rugman, A. M., & Verbeke, A. 2002. Edith Penrose's contribution to the resource-based view of strategic management. *Strategic management journal*, 23(8), 769-780. <https://doi.org/10.1002/smj.240>. Retrieved on: 16 February 2024.
- Siddique, S., & Suryadinata, L. 1981. Bumiputra and pribumi: Economic nationalism (indiginism) in Malaysia and Indonesia. *Pacific Affairs*, 54(4), 662-687. <https://doi.org/10.2307/2757890> Retrieved on: 9 January 2024.
- Syed Umar Ariff, Rohaniza Idris, Veena Babulal & Fahmy Azril Rosli. 2018. 11 Insentif untuk PKS Bumiputera. *Harian Metro*, 30 March. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/03/325901/11-insentif-untuk-pks-bumiputera>. Retrieved on: 20 June 2024.
- Tan, T. Y. C., Lee, J. C., Norsyaidatul Akmal Mohd Yusof, Teh, B. P., & Ami Fazlin Syed Mohamed. 2020. Malaysian herbal monograph development and challenges. *Journal of Herbal Medicine*, 23, 100380. <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S2210803320300518>. Retrieved on: 21 January 2024.
- Ulluwishewa, R., Roskrige, N., Harmsworth, G., & Antaran, B. 2008. Indigenous knowledge for natural resource management: a comparative study of Māori in New Zealand and Dusun in Brunei Darussalam. *GeoJournal*, 73(4), 271-284. <https://doi.org/10.1007/s10708-008-9198-9>. Retrieved on: 19 January 2024.
- Welter, F., Baker, T., & Wirsching, K. 2019. Three waves and counting: The rising tide of contextualization in entrepreneurship research. *Small Business Economics*, 52, 319–330. <https://doi.org/10.1007/s11187-018-0094-5>. Retrieved on: 6 February 2024.
- Wernerfelt, B. 1995. The resource-based view of the firm: Ten years after. *Strategic management journal*, 16(3), 171-174. <http://web.mit.edu/bwerner/www/papers/TheResource-BasedViewoftheFirm-TenYearsAfter%20.pdf>. Retrieved on: 23 February 2024.

- Xu, Z., Elomri, A., Kerbache, L., & El Omri, A. 2020. Impacts of COVID-19 on global supply chains: Facts and perspectives. *IEEE Engineering Management Review*, 48(3), 153-166. <https://doi.org/10.1109/EMR.2020.301842.0> Retrieved on: 15 February 2024.
- Zahariah Mohd Zain, Yaacob Anas, Faridah Haji Hassan, Habibah Lehar, & Sofian Shamsuddin. 2012. Challenges, opportunities and performance of Bumiputera SMEs in the food industry: A Malaysian perspective. 2012 International Conference on Innovation Management and Technology Research, (pp. 722-726). IEEE.

Siti Nur Husna Tukiran (Penulis koresponden)  
Institut Pengajian Termaju  
Universiti Malaya  
Emel: [sitinurhusna.um@gmail.com](mailto:sitinurhusna.um@gmail.com)

Aida Idris  
Fakulti Perniagaan dan Ekonomi  
Universiti Malaya  
Emel: [aida\\_idris@um.edu.my](mailto:aida_idris@um.edu.my)

Nazzatush Shimar Jamaludin  
Fakulti Sains  
Universiti Malaya  
Emel: [shimar@um.edu.my](mailto:shimar@um.edu.my)

Nurhidayah Bahar  
Pusat Teknologi Perisian dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: [nbahar@ukm.edu.my](mailto:nbahar@ukm.edu.my)

Shaiful Azlan Abdul  
Fakulti Perniagaan  
Universiti Teknologi MARA  
Emel: [shaiful71@uitm.edu.my](mailto:shaiful71@uitm.edu.my)